



**PEKELILING BILANGAN (28) TAHUN 2021
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID DAN SURAU**

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَن ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

(سورة التوبة اية : 18)

Pekeliling Ihya` Ramadhan 1442 H Dan Aktiviti Pengimarahkan Masjid Dan Surau Negeri Johor Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Bagi Memutuskan Rantaian Covid -19

1. TUJUAN

Pekeliling ini disediakan untuk menjelaskan kepada ahli jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau serta pegawai masjid dan surau (Imam, Bilal, Noja) mengenai pelaksanaan Ihya` Ramadhan dan aktiviti pengimarahkan masjid dan surau negeri Johor dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi memutuskan rantaian Covid-19.

2. PENDAHULUAN

Negeri Johor khususnya dan negara Malaysia amnya, masih dalam suasana Covid-19 dan usaha dari semua pihak amat diperlukan dalam memutuskan rantaian ini.

3. ARAHAN PELAKSANAAN

3.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada 7 April 2021 bersamaan 24 Sya`ban 1442H sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor.

3.2 Pekeliling ini terpakai kepada ahli jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau serta pegawai masjid dan surau (Imam, Bilal, Noja) dalam negeri Johor:

3.2.1 Masjid Kerajaan ;

3.2.2 Masjid Institusi;

3.2.3 masjid Kariah ;

3.2.4 Surau Jumaat;

3.2.5 Surau Kariah; dan

3.2.6 Surau Jumaat Sementara

4. PEMATUHAN (S.O.P) SEBAGAIMANA PEKELILING BILANGAN 19 YANG TERDAHULU HENDAKLAH SENTIASA DILAKSANAKAN DAN DIAMBIL PERHATIAN OLEH:

4.1 Ahli jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau;

4.2 Pegawai masjid dan surau; dan

4.3 Ahli jemaah

5. JUMLAH JEMAAH YANG DIBENARKAN

Semua masjid dan surau dalam negeri Johor dibenarkan untuk diimarahkan mengikut kapasiti sebenar bangunan masjid dan surau. Pemasangan khemah solat dibenarkan hanya di kawasan masjid dan surau sekiranya ada keperluan.

6. PERHATIAN

Sekiranya jemaah gagal mematuhi pekeliling ini maka ahli jemaah tidak dibenarkan untuk memasuki masjid, surau jumaat dan surau.

7. KAEDAH PELAKSANAAN AKTIVITI IHYA` RAMADHAN DAN PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU

7.1 Solat fardhu lima waktu di masjid dan surau

- Jemaah lelaki dan wanita yang berwarganegara dan penduduk tetap dibenarkan hadir menunaikan solat lima waktu dengan mengikut (S.O.P) yang telah ditetapkan;
- Bilal hendaklah mengalunkan bacaan Al-Quran menggunakan pembesar suara luar selama 10 minit sebelum masuk waktu azan waktu Maghrib dan 15 minit bacaan Al-Quran dan Tarhim sebelum azan waktu subuh sepanjang bulan Ramadhan;
- Imam hendaklah memakai jubah berwarna hitam dan bilal hendaklah memakai jubah berwarna krim semasa bertugas;
- Imam hendaklah memimpin solat sunat hajat selepas solat fardhu magrib;

- Doa Qunut Nazilah hendaklah dibaca pada rakaat terakhir setiap solat fardhu;
- Kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 7 tahun keatas dibenarkan hadir melaksanakan solat fardhu lima waktu;
- Sejadah berukuran besar hendaklah dibawa oleh jemaah ketika hadir ke masjid dan surau;
- Ahli jawatankuasa masjid dan surau hendaklah menyediakan tempat solat yang khusus bagi jemaah Musafir;

7.2 - Solat Fardhu Jumaat :

- Jemaah lelaki yang berwarganegara dan penduduk tetap sahaja dibenarkan hadir menunaikan solat Fardhu Jumaat dengan mengikut (S.O.P) yang telah ditetapkan;
- Kanak-kanak lelaki berumur 7 tahun ke atas dibenarkan hadir melaksanakan solat Fardhu Jumaat;
- Imam hendaklah memakai jubah berwarna hitam dan bilal hendaklah memakai jubah berwarna krim semasa bertugas;
- Imam hendaklah memimpin solat sunat hajat selepas solat Fardhu Jumaat;
- Doa Qunut Nazilah hendaklah dibaca pada rakaat terakhir setiap solat Fardhu Jumaat;
- Sejadah berukuran besar hendaklah dibawa oleh jemaah ketika hadir ke masjid dan surau;

7.3 Solat Sunat Terawih Dan Witir:

- Kehadiran jemaah diberi keutamaan kepada jemaah lelaki yang berusia 7 tahun ke atas;
- Imam hendaklah memakai jubah berwarna hitam dan bilal hendaklah memakai jubah berwarna krim semasa bertugas;
- Solat sunat terawih hendaklah dilaksanakan sebanyak dua puluh (20) rakaat sahaja dan solat sunat witir hendaklah dilaksanakan sebanyak tiga (3) rakaat sahaja dan imam bertugas hendaklah membaca surah-surah lazim sahaja.

7.4 Program Pengimarahannya Masjid Dan Surau:

- Imam, Bilal dan Noja digalakkan berbuka puasa di masjid dan surau tempat bertugas;
- Program tadarus Al-Quran dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) jam selepas selesai solat witir atau waktu yang telah diprogramkan oleh pihak masjid dan surau;
- Program kuliah dan ceramah dibenarkan dalam tempoh tidak melebihi 1 jam walaubagaimanapun tazkirah sebelum, selepas atau antara waktu solat terawih tidak dibenarkan.
- Majlis khatam Al-Quran dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) jam 30 minit;
- Amalan membaca surah Al-Mulk adalah dilaksanakan dalam program tadarus Al-Quran selepas solat witir;
- Amalan membaca surah Al-Kahfi adalah dilaksanakan selepas solat fardhu subuh hari jumaat;
- Majlis jamuan, majlis berbuka puasa, sahur, moreh dibenarkan dilaksanakan didalam masjid dan surau ditempat yang

dikhususkan oleh jawatankuasa masjid dan surau. Juadah hendaklah dibungkus tidak boleh secara buffet ,bertalam atau layan diri;

- Jamuan secara berhidang dibenarkan untuk dilaksanakan tidak melebihi 50 jemaah sahaja diruang yang telah ditetapkan;
- Aktiviti memasak dalam kawasan masjid dan surau adalah tidak dibenarkan, namun edaran bubur lambuk dibenarkan didalam kawasan masjid dan surau;
- Aktiviti yang melibatkan bermalam tidak dibenarkan;
- Majlis Qiamulail di benarkan untuk dilaksanakan dalam tempoh dua jam sebelum masuk waktu subuh;
- Majlis penyerahan bantuan dibenarkan untuk dilaksanakan tidak melebihi satu (1) jam;dan
- Kanak-kanak berumur 7 tahun keatas dibenarkan hadir dalam pengimarahannya masjid dan surau .


8. PENGUATKUASAAN

Mana-mana individu yang didapati tidak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan di bawah akta pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit 1988 (Akta 342) dengan hukuman denda atau penjara.

9. PENUTUP

Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau dan pegawai dan surau serta ahli kariah dalam menangani dan memutuskan rantaian Covid-19

Disediakan oleh :



(Dato`Haji Mohd Rofiki Bin Dato` Haji A. Shamsudin)
Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Tarikh: 24 Sya`ban 1442 Bersamaan 7 April 2021

Disahkan oleh :



(Dato`Haji Yahya Bin Ahmad)
Mufti Negeri Johor

Tarikh : 24 Sya`ban 1442 Bersamaan 7 April 2021